

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1996/97

Oktober/November 1996

AMU403 - PEMASARAN ANTARABANGSA

Masa: [3 jam]

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA (2)** muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja. Soalan 1 dan 2 adalah **WAJIB** dan pilih **DUA** soalan lain.

Soalan 1 - WAJIB

- (a) Huraikan konsep-konsep yang diketengahkan oleh para sarjana dari Barat untuk menerangkan penglibatan firma dalam pasaran antarabangsa.

[15 markah]

- (b) Apakah konsep-konsep tersebut boleh digunakan untuk menerangkan proses pengantarabangsaan firma-firma dari Timur Jauh dan Malaysia?

[15 markah]

Soalan 2 - WAJIB

Kerajaan Malaysia memberi sokongan padu kepada firma yang bergiat menembusi pasaran baru.

- (a) Apakah insentif yang disediakan oleh kerajaan dan agensi-agensinya?

[10 markah]

- (b) Mengapakah penerokaan pasaran negara-negara "Selatan" digalakkan?

[10 markah]

...2/-

- (c) Terangkan perbezaan dari segi cabaran dalam proses menembusi pasaran negara-negara "Selatan" berbanding dengan negara-negara "Utara".

[10 markah]

Jawab **DUA** soalan sahaja.

Soalan 3

Huraikan perbezaan konsep-konsep berikut:

- (a) pemasaran eksport.
- (b) pemasaran antarabangsa.
- (c) pemasaran multinasional.
- (d) pemasaran global.

[20 markah]

Soalan 4

- (a) Terangkan proses penyelidikan pemasaran antarabangsa.

[10 markah]

- (b) Apakah masalah yang mungkin timbul di setiap peringkat proses tersebut?

[10 markah]

Soalan 5

Bincangkan strategi produk dan promosi yang boleh digunakan oleh firma apabila memasuki pasaran antarabangsa.

[20 markah]

Soalan 6

Bincangkan implikasi kebudayaan ke atas kegiatan pemasaran antarabangsa.

[20 markah]

---ooo000ooo---